

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
(SEGAMBUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.11.2017

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa para pengguna yang membuat bayaran melalui Touch 'n Go, internet, telefon pintar dan sebagainya tidak diberi diskaun untuk menggalakkan pembayaran 'cashless'. Akta atau langkah Kerajaan yang menjamin keselamatan pembayar 'cashless' daripada digodam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan kaedah pembayaran elektronik (e-pembayaran) seperti perbankan internet, perbankan mudah alih dan kad pembayaran memberikan manfaat

kepada pengguna kerana ia selamat, pantas dan mudah digunakan. Dari semasa ke semasa, terdapat penyedia perkhidmatan e-pembayaran dan peniaga yang menawarkan perlepasan fi atau diskaun untuk menggalakkan kaedah penggunaan e-pembayaran di kalangan pengguna.

Melalui Dana Insentif e-Pembayaran (*e-Payment Incentive Fund, ePIF*), iaitu suatu skim yang ditubuhkan oleh industri perbankan untuk menggalakkan perpindahan kepada e-pembayaran, sejumlah RM105.825 juta telah dimanfaatkan oleh industri perbankan antara tahun 2015 dan 2016 untuk memberikan diskaun dan pelepasan fi kepada pengguna yang membuat transaksi melalui perbankan Internet dan perbankan mudah alih. Ini termasuk pelepasan fi langganan perbankan internet, fi token keselamatan dan fi transaksi GIRO Antara Bank (IBG) dan Pindahan Segera (*Instant Transfer*). Di samping itu, pengguna yang membayar tol menggunakan kaedah e-pembayaran (kad *Touch 'n Go Plusmiles*) di tol-tol yang diselenggarakan oleh PLUS kini boleh menikmati rebat sebanyak 5% manakala pengguna yang menggunakan kaedah e-pembayaran untuk membayar tambang pengangkutan awam yang dikendalikan oleh Syarikat Rapid dan KTM kini juga boleh menikmati diskaun sehingga 20%.

Keputusan untuk menawarkan diskaun atau perlepasan fi untuk menggalakkan penggunaan kaedah e-pembayaran adalah tertakluk kepada penilaian dan budi bicara penyedia perkhidmatan e-pembayaran dan peniaga masing-masing. Pada hakikatnya, kos pengendalian wang tunai secara amnya, tidak diambil kira dalam harga barangan dan perkhidmatan. Jika ianya diambil kira, penggunaan e-pembayaran akan menjadi kaedah pembayaran alternatif yang berkos rendah yang boleh diterjemahkan sebagai diskaun pada harga barangan.